

23 FEB 1998

Kampung-Pelancong

KAMPUNG BUKU TERIMA PERTANYAAN DARI PELANCONG LUAR

LANGKAWI, 23 Feb (Bernama) -- Kampung Buku Malaysia di Lubuk Semilang, Ulu Melaka, Langkawi menerima banyak pertanyaan daripada pelancong luar untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai kampung itu.

Pengarah Kampung itu Haji Hashim Ismail berkata ini satu petanda baik kerana kampung itu mula dikenali terutama di kalangan pelancong luar negeri.

"Kita mempunyai hubungan dengan semua rangkaian kampung buku di seluruh dunia dan ini memudahkan berita kampung itu disiarkan dalam buletin kampung buku di luar negeri," katanya di sini hari ini.

Selain itu, penumpang Penerbangan Malaysia (MAS) berpeluang mendapatkan maklumat mengenai kampung buku dalam majalah MAS, katanya.

Beliau berkata kunjungan pelancong termasuk dari Singapura dan Eropah kian bertambah selepas cuti hari raya lepas yang kagum dengan usaha membangunkan kampung itu sebegitu rupa dengan suasana menarik di kawasan hutan lipur yang berlatarkan paya dan air sungai yang mengalir jernih.

Hashim berkata selain itu tidak ketinggalan pelajar sekolah tempatan dan dari tanah besar mengambil peluang melawat dan membeli buku-buku yang dipamerkan.

Kampung itu, yang pertama seumpamanya di Asia Tenggara, diilhamkan oleh Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid dan mempamerkan pelbagai jenis buku daripada penerbit dan pembekal terkemuka termasuk Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Darulfikir, yang ditempatkan di enam bangunan yang disediakan.

Ia dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 3 Dis lepas.

Hashim berkata terdapat buku sastera dan sejarah yang diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dengan tujuan untuk memperkenalkan hasil karya sastera dan sejarah tempatan kepada pelancong asing. -- BERNAMA

ZI AKD